



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN**  
Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564  
Faks : 03 8891 5557  
Laman Web : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Email : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter : @kpkt\_gov  
Facebook/ : KPKT Malaysia

---

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 (56)  
Tarikh : 1 September 2021

## **SIARAN MEDIA**

---

### **YB DATO' SRI REEZAL MERICAN NAINA MERICAN MEMULAKAN TUGAS SECARA RASMI SEBAGAI MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

---

**PUTRAJAYA, 1 September 2021** – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengalu-alukan ketibaan YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican yang memulakan tugas secara rasmi sebagai Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan(KPKT) pada pagi ini.

Ketibaan YB Menteri telah disambut mesra oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, Timbalan Menteri diiringi YBhg. Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan, Ketua Setiausaha serta barisan Pengurusan Tertinggi KPKT pada jam 8.30 pagi.

Sebagai simbolik memulakan tugas secara rasmi, YB Menteri telah mendaftarkan kehadiran melalui imbasan pas keselamatan pekerja pada mesin pengimbas kad perakam waktu di Pejabat Menteri. Seterusnya, YB Menteri telah diberikan taklimat tentang fungsi dan peranan utama, isu, cabaran serta perancangan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di masa akan datang.

Memetik kata-kata YB Menteri, *"Hari ini, 1 September 2021, merupakan permulaan perjalanan saya bersama keluarga besar KPKT dan tanggungjawab saya sendiri sebagai Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Insya Allah, saya dan barisan tertinggi KPKT, Ketua-Ketua Jabatan serta seluruh keluarga besar KPKT akan terus komited menyempurnakan amanah yang diberi"*.

Seluruh warga KPKT mengucapkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan selamat menjalankan tugas kepada YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican di atas pelantikan sebagai Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. KPKT juga optimis

untuk terus cemerlang di bawah pimpinan YB Menteri bagi menyokong dan menjayakan segala dasar dan aspirasi yang telah ditetapkan.

**-TAMAT-**

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*